

Hentian Puduraya, 1976-2012

Puduraya Terminal, 1976-2012

Alisah Hassan & Haryati Hasan*

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900, Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia

* emel: haryatie@fsk.upsi.edu.my

Published: 13 December 2024

To cite this article (APA): Hassan, A., & Hasan, H. (2024). Puduraya Terminal, 1976-2012. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 16(2), 112–126. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol16.2.10.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol16.2.10.2024>

Abstrak

Artikel ini mengenai sejarah Hentian Puduraya dari 1976 sehingga 2012. Dalam tempoh 36 tahun tersebut sejarah Hentian Puduraya dapat dibahagikan kepada pembukaan hentian, era transformasi dan penambahbaikan bangunan. Tahun 1976 merupakan penubuhan Hentian Puduraya di Kuala Lumpur dan 22 September 2012 pula Hentian Puduraya yang mulanya beroperasi sebagai stesen bas kemudiannya diubah kepada sebuah pusat *Urban Transformation Centre (UTC)* atau Pusat Transformasi Bandar di mana, ianya menjadi lebih daripada sekadar stesen bas. Kajian ini mengguna pendekatan kualitatif dengan menganalisis sumber dokumen yang diperolehi di Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Kuala Lumpur dan Perpustakaan Tuanku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris. Temubual turut dijalankan dengan mereka yang berkaitan secara langsung dan tidak langsung dengan Hentian Puduraya. Terdapat tiga objektif, pertama menerangkan mengenai latar belakang penubuhan Hentian Puduraya seperti sejarah penubuhan, idea penukaran nama Pudu Sentral dan pengangkutan awam Kuala Lumpur. Objektif kedua membincangkan peranan Hentian Puduraya sebagai hab stesen utama pengangkutan ke Kuala Lumpur. Bahagian ini memperkatakan mengenai Puduraya sebagai stesen nostalgia, terminal pengangkutan utama, projek pembangunan bandar Kuala Lumpur dan Pusat Transformasi Bandar. Objektif ketiga menganalisis pelbagai isu yang ditimbulkan oleh penubuhan Hentian Puduraya terhadap perkembangan Kuala Lumpur. Ini termasuklah berkaitan peningkatan aktiviti komersial, kesesakan lalu lintas, pertumbuhan sektor perkhidmatan, kemudahan integriti komuniti dan pembangunan ekonomi negara. Sumbangan kajian ini ialah memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai peri penting menjaga nilai warisan sejarah Hentian Puduraya sebagai sebahagian daripada lambang identiti Kuala Lumpur yang merupakan ibu kota Malaysia. Selain itu, ia memberi peluang kepada masyarakat untuk memahami sejarah tempatan dan kepentingan pengangkutan awam bagi pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat dan negara.

Kata kunci: Sejarah, Hentian Puduraya, Pudu Sentral, pengangkutan awam, UTC

Abstract

This article is regarding the history of Puduraya Terminal from 1976 to 2012. During these 36 years, the history of Puduraya Terminal may be divided into the opening of the terminal, transformation era and building improvements. The year 1976 marked the establishment of Puduraya Terminal in Kuala Lumpur and on 22 September 2012, the Puduraya Terminal, which initially operated as a bus station, was transformed into an Urban Transformation Centre (UTC), making it something more than just a bus station. This study employs a qualitative approach by analysing sources of documents obtained from the National Archives of Malaysia, National Library, Kuala Lumpur Library and Tuanku Bainun Library, Sultan Iris Education University. Interviews were also conducted with individuals directly and indirectly associated with Puduraya Terminal. There are three objectives to this study, the first explains the background to the establishment of Puduraya Terminal, including its initial history, the idea behind renaming it Pudu Sentral and public transportation in Kuala Lumpur. The second

objective discusses the role of Puduraya Terminal as the main transportation hub of Kuala Lumpur. This section covers the nostalgia connected to Puduraya as a bus station, its role as the main transportation terminal, Kuala Lumpur development projects and Urban Transformation Centre. The third objective analyses various issues raised by the establishment of Puduraya Terminal pertaining to the development of Kuala Lumpur. This includes the increase in commercial activity, traffic congestion, growth of the service sector, community integrity facilities and national economic development. The aim of this study is to provide understanding to the community about the importance of preserving the historical value of Puduraya Terminal as part of Kuala Lumpur's identity as the capital city of Malaysia. Additionally, it conveys to the community understanding of local history and the importance of public transportation for social and economic development of the community and country.

Keywords: History, Puduraya Terminal, Pudu Sentral, public transport, UTC

PENGENALAN

Hentian Puduraya merupakan sebuah stesen bas yang dikenali sejak berpuluh tahun yang lalu. Puduraya atau nama penuhnya Hentian Puduraya sebagai salah satu nama yang sangat sinonim dengan bandaraya Kuala Lumpur. Projek Hentian Puduraya ini dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia yang ketiga iaitu Tun Hussein bin Dato' Onn pada 2 Oktober 1976 sehinggalah nama hentian tersebut ditukar menjadi Pudu Sentral bermula 27 Ogos 2011. Nama hentian tersebut diberikan berdasarkan kepada lokasinya yang terletak di Jalan Pudu serta menjadi terminal bas utama di Kuala Lumpur pada masa itu. (Rohaniza Idris & Syed Azwan Syed Ali, 2011:6) Pada 22 September 2012, Dato' Seri Mohammad Najib bin Tun Abdul Razak iaitu mantan Perdana Menteri Malaysia ke enam mengumumkan Pudu Sentral sebagai Pusat Transformasi Bandar Kuala Lumpur atau UTC KL. Perhentian bas tersebut adalah stesen untuk bas ekspres perkhidmatan bagi seluruh Semenanjung Malaysia termasuklah Singapura dan Thailand. Dibina atas tapak Stesen Keretapi Jalan Sultan, pembinaan Puduraya bermula pada tahun 1973, disiapkan sepenuhnya pada 1 September 1976 dan dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri Malaysia ketiga, Tun Hussein Onn pada 2 Oktober tahun yang sama. (*Jendela Bandaraya*, 2012: 22).

Semenjak pembukaannya pada tahun 1976, Hentian Puduraya telah melalui pelbagai pembaharuan untuk memenuhi keperluan semasa para pengguna di Kuala Lumpur. Hentian tersebut ditambah baik selaras dengan penyesuaian keperluan pengangkutan awam di ibu kota Malaysia dan untuk mengekalkan warisan bangunan tersebut sebagai sebuah stesen bas utama di Kuala Lumpur. Tugas atau amanah yang diberikan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak iaitu untuk menyusun semula masyarakat dan bergiat dalam lapangan perniagaan iaitu dengan menubuhkan Hentian Puduraya sebagai salah satu usaha UDA. Menurut Tun Hussein Onn dalam ucapannya semasa merasmikan pembukaan hentian bas tersebut, beliau yakin bahawa Hentian Puduraya merupakan projek yang akan memberikan banyak faedah kepada orang ramai yang mengembara dari satu tempat ke satu tempat yang lain. (*Suasana UDA*, 23 Februari, 1977: 3). Projek Hentian Puduraya ini juga dilihat dapat membantu memberi kemudahan kepada pengguna dari aspek pengangkutan di bandaraya Kuala Lumpur. Terminal bas Puduraya, salah sebuah mercu tanda ikonik Kuala Lumpur kini berwajah baharu yang megah dan diberi nama Pudu Sentral. (*Suasana UDA*, 23 Februari, 1977: 3).

Pengangkutan awam merupakan komponen penting dalam pengurusan dan perancangan bandar bagi memastikan matlamat kemampunan bandar dapat dicapai dengan sebaiknya. (Noriswana Rahmat & Norzalina Zainudin, 2020:44) Hentian Puduraya memainkan peranan dalam mencorakkan penstrukturan bandar di Kuala Lumpur. Hentian bas tersebut menjadi penghubung Kuala Lumpur dengan bandar-bandar utama di seluruh negara iaitu sebagai stesen bagi bas ekspres sama ada dari barat, timur, selatan mahupun utara. (Budiman Mohd Zohdi, 2021:17).

Semenjak perasmian pembukaan Hentian Puduraya pada 2 Oktober 1976, perhentian tersebut sememangnya tidak sunyi daripada kesibukan terutamanya semasa perayaan Hari Raya, Deepavali dan Tahun Baru Cina malah juga pada hari-hari bekerja serta hujung minggu. Hentian Puduraya menjadi salah satu stesen bas yang tertua di Kuala Lumpur sejak tahun 1976 sehinggalah penutupan sementara pada tahun 2010 dan pembukaan semula pada Ogos 2011 dengan nama baharu, Pudu Sentral. (Alan Teh Leam Seng, 2022:10) Tapak hentian yang terletak di tengah-tengah bandar iaitu di antara Bukit Bintang dan Chinatown menjadikannya mudah diakses oleh pengunjung. Perkhidmatan bas di Kuala Lumpur mempunyai perhentian dan stesen yang meluas di sekitar Kuala Lumpur. Laluan-laluan bas ini

juga memberi kemudahan kepada warga kota Kuala Lumpur dengan menghubungkan antara sistem pengangkutan Transit Rel Ringan (LRT), Komuter dan hentian teksi. (Azmi Ab Rahman & Ahmad Soufiean Othman, 2010:145). Terminal bas Puduraya sememangnya sarat dengan nostalgia bagi rakyat yang menggunakan perkhidmatan hentian tersebut sebagai tempat perhentian di Kuala Lumpur.

LATAR BELAKANG HENTIAN PUDURAYA

Sejarah Awal

Nama Hentian Puduraya diberikan berdasarkan lokasinya yang terletak di Jalan Pudu serta menjadi terminal bas utama Kuala Lumpur pada masa itu. (Rohaniza Idris & Syed Azwan Syed, 28 Ogos 2011: 6). Projek penubuhan bagi bangunan Hentian Puduraya ini dikendalikan oleh *Urban Development Authority (UDA) Holdings Berhad* sejak beberapa lama dan akhirnya siap pada 1 September 1976. (*Suasana UDA*, 23 Februari 1977:4. Dalam ucapan Tun Hussein Onn ketika merasmikan pembukaan Hentian Puduraya pada hari Sabtu, 2 Oktober 1976 beliau yakin bahawa pembukaan perhentian tersebut akan dapat membantu melicinkan kemudahan pengangkutan di Bandaraya kerana kebanyakan bas berhenti di tempat tersebut dan memudahkan orang ramai untuk melakukan pertukaran bas. (*Ucapan Y.A.B. Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, Di Pembukaan Hentian Puduraya*, 1976) Selain itu, Hentian Puduraya bukan sahaja memberi perkhidmatan pengangkutan awam iaitu bas sahaja, malah menyediakan kedai dan pelbagai gerai yang memberi peluang kepada orang ramai untuk memulakan perniagaan.

Menteri Pertanian dan Kemajuan Luar Bandar, Dato' Ali bin Haji Ahmad, merangkap Pemangku Menteri Perusahaan Awam menambah bahawa kompleks tersebut merupakan batu tanda di bandar Kuala Lumpur. Hentian Puduraya dianggap sebagai mercu tanda Kuala Lumpur terutamanya pada tahun 1970-an. (*Kosmo*, 28 Ogos 2011:2) Perasmian pembukaan Hentian Puduraya ini adalah satu peristiwa yang bererti bagi UDA berdasarkan kepada dua faktor utama. Pertama, bangunan ini ialah satu-satunya projek seratus peratus usaha UDA yang telah siap untuk kegunaan ramai. Kedua, dalam melaksanakan projek ini UDA telah cuba memenuhi tugasnya yang tercatat dalam Akta 46, Perbadanan Pembangunan Bandar 1971. (*Suasana UDA*, 23 Februari 1977: 12). Tapak Hentian Puduraya ini pada masa dahulunya terdapat sebuah hentian bas yang sesak dan tidak teratur. Oleh itu, pembinaan Hentian Puduraya telah dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di ibu negara Malaysia di samping menggunakan kawasan tersebut dengan lebih berfaedah.

Menurut Penolong Pengurus Pengurusan Harta UDA Berhad, Ismail Hassan iaitu pihak yang bertanggungjawab menyelia perhentian tersebut, Puduraya dahulunya dipercayai merupakan sebuah landasan kereta api. (*The Straits Times*, September 27, 1976.) Setelah itu, bangunan yang dibina tersebut menjadi perhentian bas dan terdapat juga pusat penginapan hotel. Kos pembinaan bangunan Hentian Puduraya ialah RM 23, 929.377. Hentian Puduraya pada awal terbahagi kepada beberapa tingkat iaitu: (*Suasana UDA*, 23 Februari 1977).

a. Podium

1. Ruang Bawah Tanah - 24 ruang bas (satu ruang bas boleh memuatkan dua bas dalam satu masa yang sama).
2. Tingkat Bawah
 - i. 50 buah gerai makanan.
 - ii. 55 buah gerai terbuka.
 - iii. Sebuah restoran berhawa dingin.
 - iv. 51 buah kedai berhawa dingin.
3. Tingkat Mezzanine
 - i. 8 buah pejabat berhawa dingin.
 - ii. Pejabat.
4. Tingkat Satu - 180 buah tempat letak teksi.
5. Tingkat Dua - 180 buah tempat letak kereta untuk tempoh yang singkat.
6. Tingkat Tiga - 180 buah tempat letak kereta untuk tempoh yang panjang.

7. Tingkat Empat - 90 buah tempat letak kereta untuk tempoh yang panjang. Sebuah kelab malam yang dicadangkan.

b. Blok Menara

8. Dari Tingkat 5 hingga ke tingkat 14 - 200 buah bilik hotel (sebuah berkembar dan deluxe).
9. Tingkat 15 - restoran 'rooftop'.

Idea penukaran nama sebagai Pudu Sentral

Pada tahun 2011, Perdana Menteri ketika itu iaitu Dato' Seri Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak telah mengumumkan Pudu Sentral sebagai nama baharu kepada stesen bas utama Hentian Puduraya. Hal ini kerana beliau menganggap penukaran nama tersebut sejajar dengan perubahan moden dan penaiktarafan yang dilakukan oleh UDA Holdings terhadap Hentian Puduraya. Dalam ucapan perasmian penjenamaan hentian tersebut, Perdana Menteri turut menjelaskan bahawa idea untuk menukarkan nama hentian tersebut adalah daripada cadangan salah seorang daripadanya pengikutnya di aplikasi Twitter (yang kini dikenali sebagai aplikasi X). (Saifulizam Mohamad, 28 Ogos, 2011:2) Pengumuman penukaran nama hentian tersebut adalah hasil daripada perbincangan Perdana Menteri dan beberapa rakan sejawatnya. Selepas berbincang dengan pihak pengurusan hentian itu, beliau telah bersetuju untuk menukar namanya kepada Pudu Sentral. (*Kosmo*, 28 Ogos, 2011: 2).

Dalam majlis perasmian wajah baharu Hentian Puduraya, Dato' Seri Najib Razak turut berkata, "*Saya tertarik dengan cadangan itu yang mengatakan nama baharu perlu untuk mencerminkan terminal moden dan berkualiti tinggi, oleh itu selepas meneliti dan berbincang, kita tukar namanya jadi Pudu Sentral*". (Maiamalina Mohamed Amin, 28 Ogos 2011:20) Penukaran nama tersebut juga adalah selaras dengan usaha untuk mencerminkan sebuah terminal pengangkutan yang moden dan berkualiti. Pada 25 April 2009, Perdana Menteri juga telah mengadakan satu lawatan mesra ke Hentian Puduraya untuk melihat sendiri keadaan dan kedaifan hentian tersebut berdasarkan kepada suara dan keluhan pengguna, peniaga dan pengusaha bas. (Saifulizam Mohamad, 28 Ogos, 2011: 2).

Transformasi Hentian Puduraya kepada Pudu Sentral dapat dilihat perubahannya apabila semakin banyak infrastruktur yang ditambah baik. Kini Pudu Sentral berhawa dingin sepenuhnya dengan penambahan kemudahan lain termasuk eskalator, 'travelator', dua unit 'bubble lift', ruang menunggu berhawa dingin dan sistem pengumuman awam bagi mengumumkan ketibaan dan pelepasan bas. Terminal ini juga dilengkapi dengan 296 kamera litar tertutup CCTV yang dipasang di semua tempat strategik yang dipantau oleh 48 kakitangan keselamatan. CCTC dipasang di semua tempat strategik yang dipantau oleh 48 kakitangan keselamatan untuk memastikan keselamatan dan keselesaan pelawat dan penumpang. (*Kosmo*, 28 Ogos 2011:2) Pada 12 April 2010, terminal ini ditutup buat sementara, setahun setelah pihak kerajaan mendapati perlunya terminal ini dinaik taraf dan diubah suai bagi meningkatkan perkhidmatan dan juga keselamatan awam. Kerja ubah suai ini dikendalikan oleh UDA Holdings Berhad dalam dua fasa yang bernilai RM52 juta. Perdana Menteri berpuas hati dengan wajah baharu serta kemudahan disediakan di terminal berkenaan yang dilihat mesra pengguna, indah, ceria, berkualiti serta mempunyai tahap keselamatan yang tinggi. (Rohaniza Idris & Syed Azwan Syed Ali, 28 Ogos, 2011: 6).

Perdana Menteri Dato' Sri Najib Razak berkata, keputusan menukar nama itu juga dibuat selepas mendapat maklum balas ramai mengenai wajah baharu terminal berkenaan yang kini berusia 35 tahun. Transformasi hentian tersebut bukan sekadar melibatkan perubahan nama sahaja, malah turut melibatkan perkara lain seperti penambahan infrastruktur dan perubahan destinasi perkhidmatan bas. Terminal bas ini dahulunya bila? menyediakan perkhidmatan untuk ke bandar-bandar di seluruh Malaysia dan juga ke selatan Thailand, tetapi ianya kini bila? hanya beroperasi kepada syarikat perkhidmatan bas yang menuju destinasi ke Utara Semenanjung Malaysia sahaja. Manakala semua perkhidmatan bas ke Selatan telah dipindahkan ke Terminal Bersepadu Selatan (TBS) yang terletak di Bandar Tasik Selatan. (*Jendela Bandaraya*, 2012: 22) Penukaran nama Hentian Puduraya menjadi Pudu Sentral dilihat dapat mempamerkan pembaharuan bagi hentian bas tersebut yang menjadi salah satu mercu tanda bagi bandar raya Kuala Lumpur. Bangunan ini mengalami beberapa fasa dan peringkat sebelum menjadi bangunan perkhidmatan kerajaan sepenuhnya. (Suhana Johar et al., 2023: 477.) Secara jelasnya, penamaan semula Pudu Sentral adalah sejajar dengan pemodenan bangunan tersebut yang berada di tengah-tengah Kuala Lumpur.

Pengangkutan Awam di Kuala Lumpur

Pengangkutan awam merujuk pada kenderaan perkhidmatan awam yang digunakan untuk mengangkut penumpang yang membayar sejumlah amaun tertentu sebagai pertimbangan untuk perjalanan. (Ibrahim Wahab, 1991:7) Pada tahun 1930-an, bermulanya pengusaha bas individu yang menawarkan perkhidmatan kenderaan awam di sekitar Kuala Lumpur. Menurut perangkaan yang dikeluarkan tentang pertumbuhan pengangkutan jalan Tanah Melayu antara tahun 1940-1962, jumlah bas pada tahun 1940 ialah sebanyak 1461 buah. Bilangan bas meningkat menjadi 1538 buah pada tahun 1950, 4252 buah (1960), 4337 buah (1961) dan 4671 buah (1962). Manakala jumlah teksi pula ialah sebanyak 967 buah pada tahun 1940, menjadi 1552 buah (1962), 4252 buah (1960), 4337 buah (1961) dan 4671 buah (1962). (Ibrahim Wahab, 1991:15.)

Pengangkutan awam memainkan peranan penting terhadap kemajuan perjalanan dan pergerakan masyarakat. (Mohd Syafiq Asraaf Mohd Talmizi & Zurinah Tahir, 2021:214). Kemajuan sesuatu bandar dapat dilihat daripada sistem pengangkutannya kerana sistem tersebut merupakan aspek yang begitu penting bagi masyarakat di bandar dan juga luar bandar. Selaras dengan perubahan zaman, perkhidmatan pengangkutan awam juga turut mengalami sedikit perubahan daripada segi corak pengangkutan. Jika di Kuala Lumpur, kawasan Lembah Klang merupakan kawasan yang sewajarnya perlu dipertingkatkan jaringan pengangkutan awam. Hal ini disebabkan oleh dalam usaha untuk menjadikan Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya lebih selesa didiami, sistem pengangkutan awam bandar yang cekap amat diperlukan.

Pemantauan berterusan dalam usaha mempertingkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan adalah tugas yang perlu dipikul bersama untuk memastikan kelestarian pengangkutan awam di Malaysia. (Noriswana Rahmat & Norzalina Zainudin, 2020: 58.) Sistem Transit Aliran Massa (MRT) memainkan peranan utama serta perlu diperkukuhkan dengan kaedah pengangkutan lain seperti laluan pejalan kaki, bas, teksi dan tren komuter. Kemudahan infrastruktur bagi pengangkutan awam yang mesra pengguna akan menjadi daya tarikan pengguna untuk menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam.

Kerajaan Malaysia perlu serius dalam menangani masalah kesesakan lalu lintas dan seharusnya perancangan sistem pengangkutan di kawasan bandar perlu dilaksanakan dengan baik. Pengangkutan awam secara umumnya adalah perkhidmatan yang berjadual dengan laluan yang ditetapkan. Menurut Noriswana Rahmat & Norzalina Zainudin, "*Kerajaan Malaysia telah berusaha untuk mempelbagai dan meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam bagi menarik lebih ramai pengguna menggunakan perkhidmatan tersebut.*" (Noriswana Rahmat & Norzalina Zainudin, 2020: 44.) Pemantauan berterusan dalam usaha mempertingkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan adalah tugas yang perlu dipikul bersama untuk memastikan kelestarian pengangkutan awam di Malaysia. (Noriswana Rahmat & Norzalina Zainudin, 2020: 58.)

Perkhidmatan pengangkutan awam sebagai salah satu alternatif bagi membantu dan mengatasi masalah kesesakan lalu lintas terutamanya di kawasan bandar-bandar. Mohd Syafiq Asraaf Mohd Talmizi dan Zurinah Tahir menyatakan bahawa, "*Perkhidmatan bas yang tidak efisien akan mempengaruhi kepercayaan pengguna untuk tidak lagi menggunakan pengangkutan awam tersebut.*" (Mohd Syafiq Asraaf Mohd Talmizi & Zurinah Tahir, 2021: 218.) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah membentuk sebuah unit untuk menyediakan Pelan Struktur Kuala Lumpur. (Ibrahim Wahab, 1991:84.) Pelan tersebut membantu memberi gambaran kepada sebuah bandaraya yang lebih teratur dan penyediaan kepada bandar yang maju serta berdaya saing.

Keadaan lalu lintas di Jalan Tun Perak, Kuala Lumpur merupakan antara jalan yang sibuk pada tahun 1970-an. Bagi pengangkutan awam 'tradisional' seperti bas, terdapat had penumpang yang boleh dibawa pada satu masa. (Siti Mariam Elias & Siti Zawiyah Zakaria, 2005:11.) Dalam meningkatkan mutu perkhidmatan, tambang bas telah dinaikkan dan cukai tempat duduk bas dihapuskan pada tahun 1960-an. Walau bagaimanapun, keadaan pengangkutan awam pada tahun 1970-an tidak menunjukkan kemajuan. (Ibrahim Wahab, 1991:89.) Bagi bas ekspres pula, orang ramai dinasihatkan supaya memastikan bas yang dinaiki adalah berlesen. Untuk mengelakkan daripada tertipu, tiket bas hendaklah dibeli dari syarikat bas, bukannya ejen perseorangan. (Siti Mariam Elias & Siti Zawiyah Zakaria, 2005:33.) Hal ini menunjukkan bahawa pengangkutan awam memainkan peranan dalam meningkatkan kemajuan di sesebuah bandar.

PERANAN HENTIAN PUDURAYA SEBAGAI HAB STESEN UTAMA PENGANGKUTAN KE KUALA LUMPUR

Hentian Puduraya merupakan nadi penting bagi sistem pengangkutan di negara ini terutamanya sejak pembukaannya pada tahun 1976. Peranan Hentian Puduraya terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu stesen bas nostalgia, terminal pengangkutan utama, projek pembangunan bandar Kuala Lumpur dan Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kuala Lumpur.

Stesen Bas Nostalgia

Hentian Puduraya yang dibuka pada tahun 1976 merupakan sebuah stesen bas yang menjadi bingkisan nostalgia bagi para pengguna. *“Jika sebelum ini terminal ini dipenuhi dengan orang ramai yang ingin pulang ke kampung terutama menjelang musim perayaan, namun kini ia semakin selesa dan tidak lagi sesak seperti dulu. Selain selesa ia juga lebih teratur dan kami dapat menunggu bas dengan tenang. Jika sebelum ini kehadiran orang ramai sewaktu menunggu bas membuatkan kami panas dan rimas”*. (Haspaizi Mohd Zain, 29 September 2009: 2) Sebahagian penumpang yang baru tiba akan bergerak keluar, mencari teksi atau mendapatkan keluarga atau handai taulan yang menunggu. (Budiman Mohd Zohdi, 29 September 2021:17.) Hentian bas tersebut digunakan oleh orang ramai yang ingin pulang ke kampung halaman. Kebiasaannya, para penumpang yang menggunakan perkhidmatan bas atau teksi di Hentian Puduraya adalah daripada setiap golongan masyarakat tidak kira pelajar dan juga yang berkeluarga.

Sebagai sebuah stesen bas utama sejak tahun 1970-an di Kuala Lumpur, Hentian Puduraya sentiasa sibuk dan hingar-bingar. Di aras lantainya riuh rendah dengan manusia yang datang pergi, tukang kempen tiket (baca: ulat tiket), suara penjaja, tangisan kanak-kanak, suara orang berbual atau lot kedai di sekitarnya dan tidak terkecuali suara petugas yang mengumumkan tentang ketibaan atau keberangkatan bas. Bagi sesetengah orang, seakan tiada yang menarik mengenai Pudu kecuali keunikan pasar awamnya sering mencuri tumpuan ramai yang mahu mencari makanan basah. Tanggapan itu ternyata kurang tepat, berikutan pekan lama yang hiruk-pikuk dengan bunyi kenderaan dan orang ramai sebenarnya mempunyai keunikan tersendiri. (Mahani Ishak, 21 Februari: 2).

Puan Sumiyati binti Muin seorang pekerja pembersihan di Puduraya sejak 20 tahun. Lalu yakni daripada nama Hentian Puduraya sehingga penjenamaan kepada Pudu Sentral. Menurut beliau, banyak pengalaman dan memori yang dilalui olehnya sepanjang beliau bekerja di pusat pengangkutan tersebut walaupun hanya sebagai pekerja pembersihan sahaja. Puan Sumiyati yang berasal daripada Indonesia sudah menetap di Malaysia selama dua dekad dan tinggal di negara ini untuk bekerja di Pudu Sentral. Menurutnya juga, beliau sudah selesa berkhidmat di Puduraya walaupun pelbagai karenah pengguna yang dijumpainya (Temubual. Puan Sumiyati binti Muin 24 November 2023).

Pelbagai pengalaman dan kenangan yang dapat menjadi sebuah ingatan kepada orang ramai. Antaranya ragam manusia di Hentian Puduraya yang pelbagai seperti adanya ulat tiket yang menjual tiket palsu, hiruk pikuk orang ramai semasa menunggu bas, pencurian, pengemis dan banyak lagi. Di Puduraya juga ada puak yang meminta sedekah secara terhormat. Pengemis tersebut menghampiri orang ramai dengan menceritakan kisah sedih mereka dan bukan seperti pengemis biasa yang kebiasaannya bersila di atas jejantas Jalan Pudu. Sebaliknya mereka menghampiri kita dengan membawa cerita sedih, yang pada penghujungnya akan berbunyi: *“Kalau abang dapat bagi dua tiga ringgit untuk saya buat tambang balik pun jadilah.”* (Budiman Mohd Zohdi, 29 September, 2021: 17).

Kegiatan ulat tiket yang berleluasa di perhentian bas tersebut menyebabkan ramai penumpang yang ditipu. *“This place has improved a lot. It used to have many ticket touts but I don't see them now.”* (Siti Aminah Abdullah, 20 April, 2011) Sementara itu, seorang penumpang, Kader Nina, 50, berkata beliau akan membeli tiket di kaunter yang sama setiap kali mahu ke rumah anaknya di Ipoh bagi mengelak ditipu. *“Jika saya sudah percaya dengan syarikat bas itu, saya hanya akan beli di situ. Memang ramai ulat tiket menawarkan bas awal dengan harga tinggi, tetapi kadang kala kita tidak dapat menaiki bas pada masa dijanjikan dan terpaksa tunggu lagi kerana tiket sudah dibeli,”* katanya. (Zanariah Abd Mutalib, 3 Jun, 2012: 13) Mengenai kewajaran pihak syarikat bas menguruskan kaunter jualan elektronik mereka sendiri, Azhar membayangkan perkara itu sukar berlaku di Puduraya Sentral berikutan tempat yang cukup terhad, selain akan membabitkan kos tertentu yang perlu ditanggung

pengusaha. (Maiamalina Mohamed Amin, 13 Julai, 2012) Ketua Pegawai Operasi SPAD mendapati bahawa pengusaha syarikat bas di Puduraya Sentral meminta SPAD memikirkan keperluan mereka sebelum memperkenalkan sistem penjualan elektronik bersepadu. Stesen bas tersebut kini tidak lagi terdapat ulat tiket sebagaimana yang berlaku pada tahun 1970-an hingga 1990-an.

Terminal Pengangkutan Utama

Hentian Puduraya berperanan sebagai sebuah stesen utama untuk pelbagai jenis pengangkutan iaitu termasuklah bas antara bandar, bas ekspres dan juga teksi. Sebagai stesen pengangkutan utama di Kuala Lumpur pada awal penubuhannya, hentian tersebut menyediakan perkhidmatan yang begitu diperlukan oleh orang ramai bukan sahaja dari kawasan Kuala Lumpur malahan dari negeri-negeri lain. Mereka menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas dan teksi untuk bergerak ke destinasi lain. Peranan hentian tersebut bukan sahaja memberikan kemudahan kepada rakyat Malaysia malah juga kepada para pelancong yang menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam di Hentian Puduraya. Dato' Seri Najib bin Tun Abdul Razak menerima maklum balas yang positif daripada orang ramai termasuklah daripada pelancong asing dalam tinjauan mesranya ke Pudu Sentral pada 27 Ogos 2011. (Saifulizam Mohamad, 28 Ogos, 2011: 2). Dalam tinjauan tersebut beliau kebetulan bertemu dengan dua orang pelancong dari Jerman sekali gus bertanyakan pandangan mereka terhadap terminal Pudu Sentral. Mereka berpandangan bahawa seakan-akan sedang berada di sebuah lapangan terbang. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa suasana di Pudu Sentral yang dahulunya dikenali sebagai Hentian Puduraya telah mula menjadi lebih moden, selesa dan membuatkan pengguna seperti berada di lapangan terbang. Menurut Perdana Menteri ketika itu, beliau menganggap bahawa negara berjaya membangunkan sebuah terminal yang membanggakan daripada segi kemodenan, keselesaan, keceriaan dan kepuasan yang tinggi kepada rakyatnya. (Maiamalina Mohamed Amin, 28 Ogos, 2011: 20) Perdana Menteri percaya orang ramai yang menggunakan Hentian Puduraya dapat melihat dan merasai keadaan lebih baik dan selesa berbanding dengan keadaannya sebelum ini. (Tarmizi Abdul Rahim, 17 September 2009: 2) Penambahbaikan terhadap stesen bas terkenal tersebut dibuat untuk memastikan keselesaan para pengguna. Pengguna perkhidmatan pengangkutan awam di Hentian Puduraya yang menaiki bas atau teksi bukan sahaja terdiri daripada golongan rakyat Malaysia, malah pelancong daripada luar negara juga turut menggunakannya untuk pergi ke suatu destinasi.

Penyediaan ruang menunggu baharu di hentian tersebut memberi lebih keselesaan bagi penumpang. Orang ramai memuji langkah kerajaan menyediakan ruang menunggu baharu di terminal Puduraya di sini yang dilengkapi penghawa dingin bagi menjamin keselesaan penumpang ketika menunggu bas. (Haspaizi Mohd Zain, 29 September, 2009: 2) Dengan adanya kelengkapan yang lebih selesa, para pengguna dapat menunggu bas atau teksi dengan tenang tanpa bersesak seperti sebelum hentian bas tersebut dinaiktaraf. "*Jika sebelum ini terminal ini dipenuhi dengan orang ramai yang ingin pulang ke kampung terutama menjelang musim perayaan, namun kini ia semakin selesa dan tidak lagi sesak seperti dulu*". Seorang pengguna turut meluahkan pandangannya bahawa ruang menunggu tersebut adalah lebih baik berbanding kesesakan yang pernah dirasai semasa menggunakan perkhidmatan terdahulu. Stesen bas utama seperti Terminal Bas Bersepadu Bandar Tasik Selatan (TBS) dan Puduraya Sentral semakin reda dan tidak lagi sesak dengan orang ramai berbanding dua hari sebelumnya. (Tarmizi Abdul Rahim, 17 September 2009: 2).

Pada 17 September 2009, tinjauan yang dibuat oleh *Metro Ahad* mendapati bahawa dua stesen utama di Kuala Lumpur tersebut masih menjual tiket yang disediakan untuk penumpang pulang ke kampung halaman. (*Metro Ahad*, 19 Ogos, 2012: 8) Penjualan tiket didapati mencukupi untuk memberikan perkhidmatan bas bagi para pengguna terutamanya Hentian Puduraya. Petugas kaunter tiket di Puduraya Sentral, Tan, 43, berkata, masih ada tiket belum terjual bagi destinasi seperti Ipoh, Taiping mahupun Perlis. "*Kami masih menjual tiket untuk beberapa destinasi utama ke utara. Mungkin disebabkan orang ramai ada pilihan lain seperti kereta api yang menambah tren menyebabkan jualan tiket bas hari ini (semalam) tidak selaris sebelumnya*," katanya. Stesen tersebut menyediakan penjualan tiket dengan lebih awal untuk memudahkan orang ramai merancang perjalanan pulang ke sesebuah destinasi. Perkhidmatan bangunan ini terhenti dan kosong seketika apabila berlaku penyusunan semula ruang dalaman dan penyusunan jaringan pengangkutan yang dialihkan ke kawasan luar bagi mengurangkan kesesakan dalam bandar. (Suhana Johar et al., 2023:476).

Projek Pembangunan Bandar Kuala Lumpur

Selepas dilaksanakan penaiktarafan terhadap hentian bas Puduraya, bangunan tersebut dilengkapi dengan pendingin hawa, kemudahan eskalator dan sistem pengumuman awam untuk mengumumkan ketibaan dan pelepasan bas dan juga disediakan sebanyak 296 buah kamera litar tertutup CCTV. (Rohaniza Idris & Syed Azwan Syed Ali, 28 Ogos, 2011: 6) Dalam tinjauan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) ke Pudu Sentral, mendapati bahawa para pengguna lebih berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan selepas projek penaiktarafan besar-besaran dilaksanakan. Bangunan Hentian Puduraya sebelum dinaiktaraf adalah sedikit berbeza. Salah seorang pengguna terminal pengangkutan tersebut, KP Lim, berpendapat bahawa beliau melihat persekitaran di Pudu Sentral selepas projek penaiktarafan adalah sangat berbeza berbanding keadaan dahulu memandangkan hentian tersebut kini dilengkapi dengan pendingin hawa dan tidak bising seperti dahulu. (*Kosmo*, 28 Ogos, 2011: 2) Beliau yang berusia 66 tahun ketika itu sangat berpuas hati dengan hasil penambahbaikan kemudahan yang ditambah di Pudu Sentral. Selepas Pudu Sentral berwajah baharu, perubahan tersebut menambahkan kebolehannya dalam menjadi sebuah mercu tanda di tengah-tengah bandar Kuala Lumpur. Lokasinya yang terletak di Jalan Pudu merupakan satu lokasi yang strategik bagi para penumpang menggunakan perkhidmatan stesen tersebut. Pengarah Urusan UDA, Datuk Jaafar Abu Hassan yang hadir memantau operasi pertama di sini semalam memberitahu, segala perancangan pihaknya berjalan lancar seperti dirancang. “*Kami tidak nafi masih ada beberapa perkara yang sedang dikemaskini dan semua itu akan siap sepenuhnya dalam masa beberapa hari lagi*”. (Shanika Abdullatib, 17 April 2011: 8).

Dalam peranannya sebagai sebuah pusat perkhidmatan pengangkutan, Hentian Puduraya memainkan peranan penting dalam menyediakan keselesaan kepada setiap golongan masyarakat. Pada bulan Ogos 2010, Hentian Puduraya mengalami kelewatan dalam pengubahsuaian dan tidak dapat beroperasi sepenuhnya. Bangunan baru Hentian Puduraya gagal disiapkan sebelum Hari Raya Aidilfitri kerana struktur tingkat bawah bangunan berkenaan memerlukan pengubahsuaian. (*Kosmo*, 25 Ogos, 2010: 10) Pembukaan dan penjenamaan semula Puduraya sebagai Pudu Sentral pada 16 April 2011 memberi nafas baru bagi wajah bangunan tersebut. Hentian Puduraya yang akan beroperasi semula pada 16 April ini setanding dengan Terminal Bersepadu Selatan-Bandar Tasik Selatan (TBS-BTS). Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin berkata, Hentian Puduraya yang sedang dinaik taraf bakal memiliki pelbagai kemudahan seperti yang ada di TBS-BTS. (*Kosmo*, 3 April, 2011: 8) Pada April 2011, Datuk Raja Nong Chik berucap dalam satu sidang media bahawa beliau menjangkakan Hentian Puduraya akan setanding dengan fungsi Terminal Bersepadu Selatan. Raja Nong Chik berkata, meskipun kemudahan di Hentian Puduraya tidak 100 peratus seperti TBS-BTS, ia mampu memberi keselesaan tambahan kepada orang ramai. Pembangunan sesuatu tempat berkait rapat dengan sistem pengangkutan. (Mohd Syafiq Asyraf Mohd Talmizi & Zurinah Tahir, 2021: 214).

Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kuala Lumpur

Selepas penukaran nama baru Hentian Puduraya yang kemudiannya dikenali sebagai Pudu Sentral, stesen bas Puduraya tersebut menjalani proses transformasi bermula 22 September 2012. Pudu Sentral kini telah menjadi Bangunan Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kuala Lumpur yang menempatkan 39 pejabat jabatan kerajaan dan swasta. (*Jendela Bandaraya*, 2012:22) Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak mengumumkan Hentian Pudu Raya yang diubah suai menjadi Pudu Sentral akan dikenali sebagai Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kuala Lumpur. Bangunan yang melalui proses pengubahsuaian bernilai RM24 juta dalam tempoh enam minggu itu turut menempatkan pusat pembangunan dan aktiviti belia, ruang perniagaan produk tempatan dan pusat kegiatan bagi badan bukan kerajaan (NGO) (Hadzlan Hassan, 23 September 2012:14) Dato' Seri Najib Razak merupakan perasmi bagi pelancaran UTC Kuala Lumpur.

UTC Pudu Sentral merupakan sebuah pusat transformasi yang dibina menggunakan bangunan sedia ada iaitu Pudu Sentral. “*Konsep UTC ini diharapkan dapat memberi keselesaan kepada rakyat dan khidmat lebih baik kepada rakyat terutama warga kota... serba-serbi ada di sini, passport (antarabangsa) boleh diambil dalam masa sejam, MyKad dua jam, urusan zakat dan pelbagai aktiviti sukan juga boleh dilakukan di sini,*” kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak semasa merasmikan

pembukaan UTC Pudu Sentral. (Hadzlan Hassan, 23 September 2012: 14). Terdapat simpang masuk ke tempat letak kereta di UTC Pudu Sentral. *For the comfort of visitors, ample covered parking bays, a spacious food court and retail outlets are available, offering food and beverages, tailoring services, photo printing and stationery, among others.* (Hadzlan Hassan, 23 September 2012: 14). Menurut V. Shankar Ganesh, “UTC is located on the mezzanine floor of the former Puduraya building. Part of the car park had to be converted for this purpose at a cost of RM24 million” (V. Shankar Ganesh, 23 September 2012:2). UTC tersebut dilengkapi dengan kemudahan yang membantu para pengguna lebih mudah mengunjungi pusat transformasi tersebut. Dengan mewujudkan bangunan UTC, warga kota boleh membuat pelbagai urusan seperti pembayaran zakat, cukai, urusan kad pengenalan selain menyediakan tempat rekreasi seperti studio aerobik dan gelanggang futsal. (V. Shankar Ganesh, 23 September 2012:2).

Selain itu fasiliti asas seperti surau yang disediakan di UTC Pudu Sentral menjadi tempat untuk para pengguna menunaikan solat. “*Selain itu surau di sini juga telah diiktiraf sebagai surau yang boleh ditunaikan solat Jumaat,*” ujar Najib Razak. (Saifulizam Mohamad, 28 Ogos, 2011:2) Bangunan ini bukan sekadar memberi kemudahan kepada penumpang bas atau pengguna perkhidmatan pusat transformasi sahaja tetapi secara keseluruhannya mementingkan kesejahteraan rakyat. Dengan adanya kemudahan seperti ini dapat menarik pengguna untuk menggunakan perkhidmatan di UTC Pudu Sentral kerana kebanyakan yang rakyat perlukan ada di tempat tersebut. Wajah terbaru UTC Pudu Sentral kelihatan lebih menarik dan moden. Dengan adanya UTC Pudu Sentral atau lebih dikenali sebagai UTC Kuala Lumpur dapat memberi kualiti kepada pemandaran terutamanya di ibu negara, Kuala Lumpur.

ISU-ISU YANG DITIMBULKAN OLEH PENUBUHAN HENTIAN PUDURAYA TERHADAP PERKEMBANGAN KUALA LUMPUR

Terdapat pelbagai isu yang dapat dikaitkan dengan penubuhan Hentian Puduraya. Perbincangan di sini memperkatakan tentang peningkatan aktiviti komersil, kesesakan lalu lintas, pertumbuhan sektor perkhidmatan, kemudahan integriti komuniti dan pembangunan ekonomi negara.

Peningkatan aktiviti komersial

“*Kejayaan usaha Kerajaan dan agensinya, bergantung besar atas minat dan kerjasama rakyat. UDA telah dapat menyediakan tempat-tempat berniaga, kecil dan besar. Ini telah dilakukan dengan menggunakan beberapa cara, baik di Ibukota mahupun di beberapa bandar lain untuk membolehkan peniaga-peniaga bumiputera menjalankan usaha perniagaan masing-masing*”. (Suasana UDA, Februari 23, 1977: 3) Ucapan tersebut dizahirkan sendiri oleh perasmi Hentian Puduraya iaitu Tun Hussein Onn pada 2 Oktober 1976. Dalam hal ini menjelaskan bahawa tujuan sebenar pembukaan hentian bas tersebut bukan sahaja untuk perkhidmatan pengangkutan awam sahaja, tetapi juga untuk membuka peluang dalam kegiatan perdagangan dan perniagaan, pembelian dan penjualan. Aktiviti komersial turut meningkat apabila adanya kedai-kedai, restoran dan perniagaan lain yang dibuka di dalam bangunan tersebut.

Pengarah Urusan UDA, Datuk Jaafar Abu Hassan dalam kenyataannya semasa memantau operasi di hentian tersebut, “*Ini termasuk eskalator, lif dan lot kedai makanan dan lot kedai serbaneka. Jadi, dalam seminggu ini, kami akan pastikan segala kemudahan yang ada berada pada tahap maksimum,*” (Shanika Abdullatib, 17 April 2011: 8). Untuk mencapai matlamat ini, UDA sedang giat membuat bangunan-bangunan untuk membolehkan bumiputera menyewa dengan harga yang berpatutan dan munasabah untuk perniagaan dan perdagangan di samping tidak ketinggalan juga kaum lain dapat memberi persaingan dan galakan. (Shanika Abdullatib, 17 April 2011:4) Dengan wujudnya UDA, dapatlah badan ini memberi bantuan dan galakan kepada kaum bumiputera bagi kegiatan perusahaan dan perniagaan di kawasan bandar.

Sebelum bangunan tersebut dinaiktaraf, sudah terdapat beberapa lot kedai yang disediakan untuk kemudahan penumpang. ‘*It also houses the Kedai Rakyat 1Malaysia, 1Malaysia textile shop and the new 1Malaysia, which was launched yesterday*’. (V. Shankar, 23 September 2012: 2) Pada tahun 2012, selepas Dato’ Seri Najib Tun Razak merasmikan Pudu Sentral yang dikenali sebagai UTC Kuala Lumpur, beberapa kedai 1Malaysia disediakan di bangunan tersebut. Peranannya sebagai sebuah UTC

di Kuala Lumpur menjadi lebih berkembang apabila pelbagai jenis perkhidmatan yang disediakan di tempat tersebut.

Selain itu, kompleks ini mempunyai kedai dan gerai-gerai yang menambah peluang berniaga untuk Bumiputera di bawah Dasar Ekonomi Baru. (V. Shankar, 23 September 2012: 4) Tun Hussein Onn dalam ucapan beliau semasa merasmikan Hentian Puduraya turut menyatakan bahawa beliau berharap kemudahan yang disediakan akan digunakan sepenuhnya, menepati tujuan dan maksud ianya diadakan. Rancangan pembukaan kompleks Hentian Puduraya mengambil kira tentang pertumbuhan aktiviti komersial terutamanya bagi kepentingan perkembangan di Kuala Lumpur. Hentian Puduraya yang mengalami beberapa fasa penambahbaikan semakin berkualiti apabila banyak infrastruktur yang ditambah bagi keselesaan pengguna.

Suasana di hentian tersebut dipenuhi hiruk pikuk dengan orang ramai yang ingin menaiki bas. Kebiasaannya, para penumpang akan mengunjungi kedai-kedai yang terdapat di hentian tersebut sementara menunggu bas atau teksi mereka. Matlamat UDA ialah melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dan orang-orang ramai akan menilai pencapaian dasar ini dari segi pertambahan peniaga Bumiputera bukan sahaja di bandaraya tetapi di merata-rata bandar kecil. (*Suasana UDA*, 23 Februari, 1977: 3) UDA Holdings merupakan sebuah syarikat yang dipercayai oleh Allahyarham Tun Abdul Razak di mana Perbadanan Pembangunan Bandar ini ditubuhkan pada tahun 1971 atas inspirasi daripada pemikiran beliau. Selain itu terdapat pelbagai kedai di Hentian Puduraya. Aktiviti komersial yang semakin bertambah terutamanya di hentian bas tersebut turut mempengaruhi perkembangan Kuala Lumpur yang semakin membangun. Perniagaan yang dijalankan di hentian tersebut justeru membantu meningkatkan peluang pekerjaan kepada golongan masyarakat. Hal ini turut membantu meluaskan rangkaian ekonomi, tidak hanya pengangkutan sahaja tetapi dalam perkhidmatan lain juga.

Kesesakan lalu lintas

Hentian Puduraya dianggap sebagai sebuah stesen utama bagi perkhidmatan bas. Kesibukan stesen yang hingar juga memperlihatkan kesesakan lalu lintas di kawasan Puduraya. Masalah ini bukan sahaja disebabkan oleh pembangunan setempat tetapi disebabkan oleh kedudukan hentian tersebut. Kebiasaannya, waktu perjalanan bas atau teksi mempengaruhi masalah kesesakan lalu lintas di sekitar jalan Pudu. Hal ini disebabkan oleh perjalanan pengangkutan awam tersebut yang bergerak dari Pudu ke lokasi destinasi lain. Dengan adanya pelbagai pilihan operator bas, para penumpang hentian tersebut memiliki akses yang luas untuk memilih perkhidmatan pengangkutan darat yang dapat memudahkan perjalanan mereka. Perkhidmatan bas dan teksi merupakan pengangkutan awam yang sering digunakan di hentian ini.

Terdapat platform pengangkutan awam iaitu teksi di Pudu Sentral. Platform tersebut dahulunya merupakan lorong bagi bas-bas yang terdapat di Hentian Puduraya. Suasana di kawasan ini juga meriah dengan kehadiran para penumpang yang berasal daripada pelbagai negeri. Dahulunya, hentian Puduraya merupakan pusat pengangkutan awam utama di Kuala Lumpur yang menjantik nostalgia bagi para pengguna yang pernah menggunakan perkhidmatan di hentian tersebut sejak awal pembukaannya. Pemandangan perkhidmatan bas di Pudu Sentral ke Terminal Bersepadu Selatan, Bandar Tasik Selatan merupakan salah satu cara untuk mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di kawasan Pudu. Jalan Pudu sememangnya salah satu jalan yang paling sibuk dengan kenderaan-kenderaan awam atau persendirian, termasuklah kenderaan yang menghantar atau menjemput penumpang.

Suasana lengang di Pudu Sentral menunjukkan bahawa perubahan besar berlaku selepas pemindahan perkhidmatan bas di Terminal Bersepadu Selatan (TBS). Menurut Encik Ho, pemandu teksi di Pudu Sentral, banyak kereta dan bas yang masuk ke Hentian Puduraya sebelum dipindahkan perkhidmatannya ke TBS. Kini, perkhidmatan bas yang terdapat di Pudu Sentral hanyalah untuk destinasi ke Tanjong Malim, Seremban, KLIA, Genting Highland dan juga Sabak Bernam. (Temubual dengan Encik Ho, 24 November 2023). Platform tersebut juga merupakan bekas tempat perhentian bas sebelum menjadi tempat perhentian teksi. Beliau turut menjelaskan bahawa *taxi stand* dahulunya berada di kawasan Tingkat 1, namun selepas penaiktarafan menjadi UTC, tempat tersebut digunakan sebagai Klinik Pergigian.

Encik Ho merupakan salah seorang pemandu teksi yang sudah lama berkhidmat dalam pekerjaan tersebut iaitu selama lebih 40 tahun. Beliau sudah bekerja sebagai pemandu teksi di Pudu Sentral sejak nama bangunan tersebut disebut sebagai Hentian Puduraya sehinggalah perubahannya

menjadi UTC Kuala Lumpur. Encik Lee pula seorang lagi pemandu teksi di Pudu Sentral menyatakan bahawa hentian bas tersebut sudah mulai kurang sesak sejak pemindahan bas-bas ke Terminal Bersepadu Selatan (TBS). Menurutny pada zaman dahulu, Hentian Puduraya adalah 'main station bus' di Kuala Lumpur apabila banyak perkhidmatan bas untuk ke Johor, Melaka dan lokasi lain. (Temubual dengan Encik Lee, 24 November 2023.)

Hentian Puduraya yang dahulunya meriah dengan kehadiran penumpang dari pelbagai tempat kini sudah bertukar menjadi suram. Menurut Encik Lee lagi, orang ramai sudah kurang menaiki teksi di Hentian Puduraya terutamanya apabila terdapat banyak syarikat perkhidmatan pengangkutan awam menggunakan aplikasi dalam talian seperti *Grab*, *Maxim* dan banyak lagi. Teksi merupakan pilihan terakhir bagi penumpang sekiranya tidak menggunakan khidmat *e-hailing*. Kawasan Puduraya yang dahulunya mengalami kesesakan lalu lintas yang mempengaruhi keadaan di Pudu kini sudah mulai tenang kerana pemindahannya ke beberapa hentian bas yang lain.

Pertumbuhan sektor perkhidmatan

Perubahan Hentian Puduraya yang diubahsuai menjadi UTC Pudu Sentral di Kuala Lumpur, menyebabkan berlaku pertumbuhan ekonomi tempatan dan perkembangan sektor perkhidmatan. Hal ini kerana selepas bangunan tersebut bertambah peranannya apabila menjadi sebuah pusat transformasi, banyak kemudahan seperti adanya Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Pusat Pungutan Zakat, medan selera dan pelbagai pejabat kerajaan dan swasta yang disediakan. Perkara tersebut memudahkan rakyat untuk menggunakan perkhidmatan yang pelbagai di satu bangunan sahaja. Keadaan tersebut bukan sahaja menjimatkan masa malah kos rakyat untuk berurusan di satu tempat sahaja.

Selepas menjadi UTC Kuala Lumpur, bangunan tersebut digunakan oleh orang ramai kebanyakannya untuk urusan formal sahaja iaitu berurusan di pejabat kerajaan atau swasta. Kebanyakan syarikat bas menutup kaunter tiket kerana terpaksa menanggung kerugian susulan daripada perubahan perkhidmatan bas ke utara, selatan dan timur. Sebelumnya, terdapat beberapa isu yang hangat melibatkan masalah ulat tiket bas yang menyebabkan kerugian para pengguna bas. Tinjauan *Berita Harian* di beberapa kaunter tiket, semalam, mendapati alasan diberikan penjual adalah kekurangan bas bagi permintaan penumpang, malah ada yang sengaja menaikkan harga tiket tanpa alasan munasabah. (Zanariah Abd Mutalib, 3 Jun 2012: 13) Namun begitu, apabila pemindahan bas dari Pudu Sentral ke hentian bas yang lain, berlaku pengurangan perkhidmatan bas di Pudu Sentral sehingga menyebabkan beberapa syarikat bas menaikkan harga tambang tiket. Lazimnya peranan pusat pengangkutan awam sudah pasti dipenuhi dengan orang ramai, namun begitu suasana lengang di terminal bas tersebut tidak lagi seperti dahulu yang dipenuhi dengan pelbagai ragam orang ramai.

Pelajar universiti, Siti Zulaikha Poji, 22, berkata beliau juga tidak membeli tiket bas dengan sembarangan syarikat atau individu terutama ketika musim cuti sekolah dan hari raya kerana ramai yang cuba mengambil kesempatan menaikkan harga. (Zanariah Abd Mutalib, 3 Jun 2012: 13) Dalam pada itu, Che Hasni berkata, SPAD memberkas 24 'ulat tiket' dalam serbuan di Pudu Sentral, kelmarin dan siasatan lanjut mendapati 10 daripadanya positif dadah jenis heroin dan morfin, manakala seorang memiliki dadah ketika ditahan. (Luqman Arif Abdul Karim, 7 Ogos, 2013: 4). Kebanyakan daripada isu hangat daripada Hentian Puduraya adalah disebabkan oleh masalah ulat tiket yang berleluasa dan juga penagih dadah yang menyebabkan jenayah seperti kes kecurian berlaku.

Ketua Pegawai Operasinya, Azhar Ahmad berkata, pihaknya akan mengadakan perbincangan dengan semua pihak terlebih dulu termasuk bersama pengurusan terminal untuk menambah baik perkhidmatan berkenaan, begitu juga sistem sudah diguna pakai ketika ini. (Maiamalina Mohamed Amin, 13 Julai, 2012) Secara dasar mereka tidak menolak pelaksanaan sistem yang boleh membasmi ulat tiket, namun mahukan kebajikan mereka terbela. (Maiamalina Mohamed Amin, 13 Julai, 2012) Masalah ulat tiket menyebabkan kerugian bagi para penumpang dan juga operator bas. Jika dihitung kaunter tiket bas dahulu dan kini, adalah sangat jauh berbeza dan tidak sama seperti dahulu selepas perkhidmatan bas kebanyakannya pindah ke Terminal Bersepadu Selatan.

Kemudahan integriti komuniti

Penubuhan bangunan ini yang pada mulanya untuk perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas dan teksi kini mulai berlaku perubahan apabila penempatan pejabat jabatan kerajaan dan swasta di UTC Pudu Sentral. Hal ini memberi kemudahan integriti komuniti dan salah satu kelebihanannya adalah lokasinya yang strategik. Lokasi yang strategik di tengah bandaraya Kuala Lumpur memudahkannya diakses dengan pengangkutan awam. Dato' Seri Najib juga meninjau laluan pejalan kaki berbumbung yang terletak di bahagian luar hentian itu dan menyambungkan terus ke Stesen LRT STAR Bandaraya yang turut terkandung dalam penambahbaikan fasa pertama itu. (Tarmizi Abdul Rahim, 17 September 2009: 2).

Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak dalam lawatan mesranya mengumumkan fungsi UTC Pudu Sentral yang merupakan sebuah *'one-stop centre'*. *He said the government planned to set up UTCs in all major cities.* (V. Shankar Ganesh, 23 September 2012: 2) *Najib later launched the first 1Malaysia bookshop, which offers books at prices between 10 and 15 per cent lower than other places. The bookshop also sells stationery and provides space for writers and local publishers to carry out meetings and promotional activities.* Dalam tinjauan Perdana Menteri ke UTC Pudu Sentral, beliau menyampaikan sumbangan cenderahati kepada sebuah keluarga yang ingin balik ke kampung halaman untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri. Penuntut Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Fauziah Muhammad, 22, pula berkata, pembaharuan terminal berusia 35 tahun itu memenuhi kehendak rakyat yakni mahukan infrastruktur berkualiti dan selesa. (Maiamalina Mohamed Amin, 28 Ogos, 2011:20). Orang ramai turut berpuas hati dengan pembaharuan hentian bas tersebut apabila adanya penyediaan pelbagai perkhidmatan di bawah satu bumbung. Perkara tersebut turut memenuhi keperluan komuniti setempat terutamanya untuk pembangunan bandaraya Kuala Lumpur.

Dato' Seri Najib Tun Razak juga berpuas hati dengan ciri moden dan kelebihan yang terdapat di UTC Pudu Sentral. "Begitu juga reaksi orang lain, bermakna kita berjaya bangunkan sebuah terminal yang boleh dibanggakan hasil kerjanya, moden, selesa, indah, ceria dan beri kepuasan tinggi kepada rakyat," katanya. (Maiamalina Mohamed Amin, 28 Ogos, 2011: 20.) *Whenever Puduraya was being mentioned it gives me nostalgic memory that was the station where I took the bus back to my hometown in Slim River during school holidays and semester break.* (LanH, 18-21 Mei, 2009:17) Puduraya masih segar dalam ingatan orang ramai sebagai sebuah stesen bas yang menggamit memori. Bukan sahaja dalam kalangan masyarakat setempat di pekan Pudu, tetapi juga dari seluruh Malaysia dan juga para pengguna dari luar negara seperti Thailand, Singapura dan Indonesia.

Pembangunan ekonomi negara

Kuala Lumpur merupakan pusat ekonomi bagi Malaysia dan selepas kemerdekaan negara iaitu pada tahun 1957, negara ini sedang dalam proses pembangunan yang pesat. Pada tahun 1970-an, pelbagai infrastruktur yang mula dibina termasuklah terminal bas, stesen keretapi dan pembinaan jalan raya. Hal ini adalah untuk meningkatkan kemudahan dari segi pengangkutan awam dan pelbagai perkhidmatan. Hentian ini juga dirancang untuk meningkatkan kemudahan pengangkutan awam dan menggalakkan perhubungan pelbagai destinasi di seluruh Malaysia. Dengan adanya stesen bas di Kuala Lumpur, peluang perniagaan seperti pembangunan pusat perniagaan, hotel, restoran dan perkhidmatan lain memberi sumbangan kepada ekonomi di bandaraya.

Pudu Sentral lebih moden selepas dinaik taraf iaitu sebelum adanya televisyen yang berfungsi untuk memaparkan jadual perlepasan bas, pengumuman perlepasan hanyalah secara manual. Pada awal pembukaannya, Hentian Puduraya masih lagi berada dalam keadaan yang kurang moden. Namun setelah melalui beberapa fasa penambahbaikan, dapat dilihat bahawa hentian tersebut dalam keadaan yang lebih baik dan selesa. Perdana Menteri, Dato' Seri Najib juga bangga dengan pemodenan hentian tersebut. "*Ini bermakna kita berjaya membangunkan satu terminal bas yang boleh dibanggakan oleh rakyat Malaysia. Ia begitu moden dan mesra. Saya pasti terminal ini dapat memberi tahap kepuasan yang begitu tinggi kepada pengguna,*" katanya. (Saifulizam Mohamad, 28 Ogos, 2011: 2).

Tun Hussein Onn merupakan perasmian bagi pembukaan Kompleks Hentian Puduraya. Pada tahun pertama beliau menjawat jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ketiga, beliau telah merasmikan kompleks hentian tersebut. Semasa beliau menjawat jawatan tersebut, Malaysia sedang melalui transformasi ekonomi dan pembangunan pesat yang dikenali sebagai Rancangan Malaysia.

Kuala Lumpur sebagai ibu negara Malaysia memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi negara dan salah satu daripada pembangunan tersebut adalah pembukaan Hentian Puduraya.

Pada awal pembukaan Hentian Puduraya, pembelian tiket bas adalah lebih bersifat tradisional di mana penumpang perlu membeli tiket tersebut di kaunter tiket. Hal ini berbeza dengan proses pembelian tiket bas selepas penaiktarafan hentian tersebut yang menyediakan sistem tempahan dalam talian atau aplikasi mudah alih. Selain itu, jadual perjalanan bas juga disediakan di terminal bas manakala bagi pembayaran tiket bas pada tahun 1970-an adalah menggunakan wang tunai sahaja. Hal ini menyebabkan pembeli perlu beratur panjang di kaunter tiket terutamanya pada musim perayaan atau waktu-waktu sibuk lainnya.

Jika dibandingkan cara pembelian tiket bas pada tahun 1970-an dengan tahun 2000-an, dapat dilihat bahawa teknologi memainkan peranan penting dalam memudahkan proses pembelian tersebut. Pudu Sentral dilengkapi dengan mesin tiket automatik yang membolehkan pengguna untuk membeli tiket secara sendiri dengan memilih destinasi, masa perjalanan bas dan terdapat juga pilihan tempat duduk. Dengan adanya teknologi ini, para pengguna dapat mengelak daripada kesesakan pembelian dan dapat menjimatkan masa untuk tidak perlu beratur semasa proses pembelian tiket bas. Selaras dengan peredaran zaman, perkembangan ini justeru mempengaruhi pembangunan ekonomi negara.

Kuala Lumpur perlu mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi untuk mengekalkan kedudukannya sebagai bandar raya utama di peringkat nasional di samping bersaing di peringkat antarabangsa sebagai sebuah pusat pelaburan global. (Junaidi Awang Besar et al., 2014: 83). Justeru perkara berikut perlu diberi perhatian ke arah memastikan pembangunan berterusan di Kuala Lumpur iaitu menyediakan peluang sama rata kepada semua penduduk dan pihak berkepentingan untuk berkongsi kemakmuran dan kesejahteraan bandar; menyediakan kehidupan berkualiti kepada penduduk; menyediakan persekitaran alam bina yang berkualiti dengan keutamaan kepada keselesaan dan keselamatan penduduk; mengurus persekitaran semula jadi dan melindungi sumber semula jadi yang menjadi asas kepada kemakmuran dan kesejahteraan; dan membina persekitaran budaya yang kukuh termasuk nilai-nilai sejarah, kesenian dan pelbagai kaum. (Junaidi Awang Besar et al., 2014: 84.) *Based on the visual survey, the profile of Pudu was influenced by the geographical setting of Kuala Lumpur.* (Mohamad Asri Ibrahim, Mohammad Hussaini Wahab & Sharyzee Mohamad Shukri, 2018: 187.) Kedudukan hentian bas tersebut yang berada di bandar Kuala Lumpur menjadikannya sebagai salah satu daripada usaha dalam pembangunan bandaraya. Pada tahun 2011, projek jejantas Pudu Sentral sepanjang 60 meter telah mula dibina untuk menghubungkan Pudu Sentral dengan bangunan Maybank yang bersebelahan dengan bangunan tersebut. Jejantas yang siap pada 19 Disember 2012 ini juga telah memudahkan orang ramai untuk menyeberangi jalan raya yang sibuk. Mengenai penyelenggaraan Pudu Sentral, beliau amat berharap supaya rakyat bersama-sama bertanggungjawab memelihara segala kemudahan yang ada termasuk dalam soal kebersihan. (Saifulizam Mohamad, 28 Ogos, 2011:2).

KESIMPULAN

Konklusinya, hentian Puduraya sebagai stesen pengangkutan awam yang berusia hampir separuh abad masih berada pada lokasi yang sama sejak ditubuhkan pada 1976. Cuma kini suasana stesen bas berkenaan tidak semeriah dahulu khususnya pada tahun 1990-an walaupun pelbagai usaha dilakukan oleh pihak kerajaan. Hal ini perlu diambil perhatian oleh pihak yang bertanggung jawab dalam membangunkan Kuala Lumpur. Perlu kajian yang lebih komprehensif, sebelum melakukan perubahan agar tidak berlaku pembaziran. Hal ini dapat diperhatikan apabila stesen tersebut dinaik taraf, namun tidak lama kemudian perkhidmatan bas telah dipindahkan ke Terminal Bersepadu Selatan. Impak daripada perpindahan tersebut, menyebabkan premis perniagaan banyak ditutup.

Selain itu, kaunter tiket juga telah ditutup dan ini menyebabkan kawasan berkenaan ditinggalkan begitu sahaja. Bagi perkhidmatan bas yang masih beroperasi di sana misalnya ke laluan Seremban dan Tanjung Malim, penumpang bas terpaksa beratur panjang untuk membeli tiket di kawasan ketibaan bas. Walaupun terdapat tempat menunggu di aras satu namun suasananya yang sunyi dan lengang menyebabkan para pengguna bas merasa tidak selamat dan menunggu di aras bawah walaupun suasana tidak selesa dengan bunyi bising, enjin bas, asap, debu dan bahang panas. Ulat tiket sentiasa mencari mangsa dan ini biasanya berlaku pada hari minggu atau pada hari perayaan ada yang

tertipu kerana terpaksa membayar pada harga yang lebih mahal dan lebih malang lagi tidak ada perkhidmatan bas walau pun membeli tiket.

Keadaan keselamatan bukan merupakan isu baharu, pada tahun 2007 pernah berlaku letupan di sana. Selain itu, banyak kejadian jenayah seperti ragut, pukau dan peminta sedekah. Kemalangan jiwa disebabkan bunuh diri atau dibunuh juga pernah berlaku. Hal ini menimbulkan rasa phobia kepada penulis yang kebetulan semasa kejadian penulis baharu sahaja meninggalkan hotel tempat di mana seorang wanita didapati terbunuh kerana terjatuh dari hotel yang berada di dalam Hentian Puduraya atau Pudu Sentral. Selain itu, rakan penulis pernah menjadi mangsa pukau, sehingga beliau tidak menyedari telah menyerahkan sejumlah wang kepada orang yang tidak dikenali dan beliau menyedarinya setelah keesokan harinya bila menyedari wang di dalam dompet beliau telah tiada.

Puduraya atau Pudu Sentral perlu diberi nafas baharu misalnya menjadikan sebagai tempat bersejarah untuk dikunjungi. Muzium Pengangkutan di tengah bandar Kuala Lumpur yang menempatkan pelbagai khazanah yang berkaitan pengangkutan. Hal ini mengingatkan penulis kepada kota Bandung yang mempunyai banyak muzium di tengah kota seperti museum Konferensi Asia Afrika, museum Geologi Bandung, museum Pos Indonesia, museum Gedung Sate dan museum Barli. Perbadanan Pembangunan Bandar (Uda Holdings Berhad) perlu bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan atau pihak swasta untuk menghidupkan kembali Puduraya yang pernah menjadi nostalgia agar tidak pupus ditelan zaman.

PENGHARGAAN

Artikel ini diubahsuai daripada Projek Tahun Akhir yang bertajuk “Sejarah Hentian Puduraya, 1976-2012”. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr Haryati Hasan yang berperanan sebagai penyelia.

RUJUKAN

- Alan Teh Leam Seng. (2022, Mei 15). A Glimpse Into Pudu's Past. *New Sunday Times*.10. http://kllibrary.dbkl.gov.my/client/en_US/search/asset/1646/0
- Azmi Ab Rahman dan Ahmad Soufiean Othman. (2010). *Warisan Kuala Lumpur Legacy*. Sungai Buloh, Selangor: Mind Educate Resources.
- Berita Harian*. (2009, September 29). Arkib Negara Malaysia. No. Penerimaan: 2009/0014387.
- Budiman Mohd Zohdi. (2021, September 29). Hebatnya Puduraya. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/553487/berita/cetusan/hebatnyapuduraya>
- Haspaizi Mohd Zain. (2009, September 29). “Penyediaan ruang menunggu Hentian Puduraya lebih selesa,” *Berita Harian*. Arkib Negara Malaysia. No. Penerimaan: 2009/0014387.
- Hadzlan Hassan. (2012, September 23). Pudu Sentral kini UTC KL. *Metro Ahad, Arkib Negara Malaysia*. No. Penerimaan: 2013/0000703.
- Ibrahim Wahab. (1991). *Pengangkutan bandar di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jendela Bandaraya*. (2012). Arkib Negara Malaysia. No. Penerimaan: 2012/0001116.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Muhammad Hazim Abdul Ghani & Zainun Abidin Baharum. (2014). Kuala Lumpur dan cabaran baru pembangunan berterusan. *Malaysian Journal of Society and Space*. 10(6): 75-85.
- Kosmo!*. (2010, Ogos 25). “Hentian Puduraya lewat siap kerana pengubahsuaian”. Arkib Negara Malaysia. No. Penerimaan: 2010/0015085.
- Kosmo!*. (2011, April 3). “Puduraya naik taraf setanding TBS-BTS,” Arkib Negara Malaysia. No. Penerimaan: 2011/0006115.
- Kosmo! Ahad*. (2011, Ogos 28). Puduraya jadi Pudu Sentral,” Arkib Negara Malaysia. No. Penerimaan: 2011/0014224.
- LanH. (2009, Mei 18-21). “The Hentian Puduraya debacles,” *Harakah*. N17, Arkib Negara Malaysia. No. Penerimaan: 2009/0007180.
- Luqman Arif Abdul Karim. (2013, Ogos 7). “Operasi bas Pudu Sentral dikaji pindah Tasik Selatan,” *Berita Harian*, Arkib Negara Malaysia. No. Penerimaan: 2013/0014319.
- Mahani Ishak. (2019, 21 Februari). “Pudu sarat dengan nostalgia,” *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/hujungminggu/santai/2019/02/533215/pudu-sarat-dengan-nostalgia>.

- Maiamalina Mohamed Amin, (2011, Ogos 28). "Berkualiti, selesa," *Metro Ahad*. Arkib Negara Malaysia. No. Penerimaan: 2011/0014384.
- Metro Ahad*. (2012, Ogos 19). "Tiket masih ada," Arkib Negara Malaysia. No. Penerimaan: 2012/0013293. 19 Ogos.
- Mohamad Asri Ibrahim, Mohammad Hussaini Wahad & Sharyzee Mohamad Shukri. (2018). Revealing urban marketplace identity: Pudu. *Journal of the Malaysian Institute of Planners* 16(1): 183-192.
- Mohd Syafiq Asraaf Mohd Talmizi dan Zurinah Tahir. (2021). "Persepsi Terhadap Tahap Keberkesanan Pengangkutan Awam," *Journal of Social Sciences and Humanities* 18 (2).
- Noriswana Rahmat dan Norzalina Zainudin. (2020). "Faktor Penentu Penggunaan Perkhidmatan Bas Smart Selangor: Kajian di Laluan SJ4A Serdang," *Malaysia Journal of Human Ecology* 1(4).
- Rohaniza Idris dan Syed Azwan Syed Ali. (2011, Ogos 28). "Pudu Sentral setaraf lapangan terbang," *Berita Minggu*. Arkib Negara Malaysia. No. Penerimaan: 2011/0014563).
- Saifulizam Mohamad, (2011, Ogos 28). "Pudu Sentral nadi negara," *Mingguan Malaysia*, Arkib Negara Malaysia. No. Penerimaan: 2011/0014648.
- Shanika Abdullatib. (2011, April 17). "Puas Hati Hentian Puduraya baharu," *Kosmo! Ahad*, Arkib Negara Malaysia. No. Penerimaan: 2011/0006127.
- Siti Aminah Abdullah. (2011, April 20). "Puduraya terminal running smoothly," *New Straits Times*, Arkib Negara Malaysia.
- Siti Mariam Elias dan Siti Zawiyah Zakaria. (2005). *Pengangkutan Moden*. Selangor: Impiana Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Suhana Johar, Ahmad Syahmi Abdul Aznan, Noraziah Mohammad & Ahmad Firkry Khairy Ahmad Mustafa. (2023). Strategi penyesuaigunaan terhadap bangunan kompleks membeli-belah yang semakin mati - kajian kes UTC Pudu Sentral. *Jurnal Kejuruteraan* 6(1): 471-481.
- Suasana UDA* Jilid 3 No. 1. (1977, Februari 23). Arkib Negara Malaysia. No. Penerimaan: 2006/0029766. 1-12
- Tarmizi Abdul Rahim. (2009, September 17). "PM tinjau lagi Puduraya," *Utusan Malaysia*, Arkib Negara Malaysia.
- The Straits Times*. (1976, September 27).
- Temubual. Encik Ho. (2023, November 24) Pemandu Teksi, Pudu Sentral.
- Temubual. Encik Lee. (2023, November 24). Pemandu Teksi, Pudu Sentral.
- Temubual. Puan Sumiyati Muin. (2023, November 24). Pekerja pembersihan UTC Pudu Sentral.
- Ucapan Y.A.B. Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn Di Pembukaan Hentian Puduraya*. (1976). No. Siri: 2/3, Arkib Negara Malaysia. 26/78.
- V. Shankar Ganesh. (2012, September 23). "Najib: Urban folk not neglected," *New Sunday Times*. Arkib Negara Malaysia. No. Penerimaan: 2013/0000664.
- Zanariah Abd Mutalib. (2012, Jun 3). "Syarikat bas naikkan tambang," *Berita Minggu*, Arkib Negara Malaysia. No. Penerimaan: 2012/0012197.